

WARTA KERAJAAN

PUSAT INFORMASI - WARTA KERAJAAN - P.U. (A) 544

AKTA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA 1996

PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PENDAFTARAN) 1997

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 32 dan 88 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pendaftaran) 1997 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1998.
2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain:
 - "Pemohon" ertinya pemohon yang telah diberi kelulusan bagi menubuhkan institusi pendidikan tinggi swasta;"Prospektus" ertinya dokumen bercetak yang dikeluarkan oleh institusi pendidikan tinggi swasta bagi maksud memberikan maklumat tentang penubuhan, pengendalian kursus pengajian atau program latihan di, atau maklumat lain tentang, institusi pendidikan tinggi swasta;
 - "Struktur fee" ertinya bentuk dan amaun bayaran yang dikenakan kepada pelajar bagi mengikuti kursus pengajian atau program latihan.
3. Suatu daftar institusi pendidikan tinggi swasta di bawah seksyen 25 Akta hendaklah disimpan dan disenggarakan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.
4. Sesuatu permohonan bagi pendaftaran sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta hendaklah dibuat dalam Borang A dalam Jadual Kedua oleh ketua eksekutif atau orang yang bertindak sebagai ketua eksekutif.
5. (1) Perakuan pendaftaran yang boleh dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar di bawah subseksyen 2499) Akta hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang B Jadual Kedua.
 - (2) Sesuatu perakuan pendaftaran adalah sah bagi tempoh selama lima tahun dari tarikh pengeluaran perakuan pendaftaran.
 - (3) Sesuatu perakuan pendaftaran boleh diperbaharui apabila permohonan di buat kepada Ketua Pendaftar dalam Borang C dalam Jadual kedua dan selepas dibayar fee yang ditetapkan.
6. (1) Sesuatu permohonan bagi pendaftaran sebagai ketua eksekutif hendaklah dibuat dalam Borang D dalam Jadual Kedua.
 - (2) Perakuan pendaftaran ketua eksekutif hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang E dalam Jadual Kedua.
7. (1) Jika perakuan pendaftaran atau perakuan pendaftaran eksekutif yang dikeluarkan hilang atau rosak, ketua eksekutif hendaklah dengan serta-merta melaporkan kepada Ketua Pendaftar mengenai kehilangan atau kerosakan itu dan membuat permohonan untuk mendapatkan perakuan pendaftaran gantian atau perakuan pendaftaran ketua eksekutif gantian dalam Borang, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam Jadual Kedua.
 - (2) Sesuatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah disertai dengan :-
 - a. dalam hal kehilangan, laporan polis atau akuan berkanun yang dibuat di hadapan seorang Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah, mengikut mana-mana yang berkenaan, tentang kehilangan itu;

- b. dalam hal kerosakan, perakuan pendaftaran yang rosak atau perakuan pendaftaran ketua eksekutif yang rosak, mengikut mana-mana yang berkenaan;
 - c. dalam hal perakuan pendaftaran sahaja, fee yang ditetapkan; dan
 - d. apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Ketua Pendaftar.
- (3) Jika Ketua Pendaftar berpuas hati bahawa kehilangan atau kerosakan itu tidak disengajakan, dia hendaklah menggantikan perakuan pendaftaran atau perakuan ketua eksekutif itu dengan mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran atau perakuan pendaftaran ketua eksekutif yang dicapkan dengan perkataan "Gantian".
- (4) Jika perakuan pendaftaran atau perakuan pendaftaran ketua eksekutif yang hilang itu dijumpai semula selepas perakuan gantian telah dikeluarkan, ketua eksekutif hendaklah, dengan segera, melaporkan perkara itu kepada Ketua Pendaftar secara bertulis dan menyerahkan perakuan pendaftaran atau perakuan pendaftaran ketua eksekutif yang dijumpai semula itu
8. (1) Tiada pengubalan, pindaan atau tambahan boleh dibuat kepada struktur fee yang diluluskan bagi sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta melainkan jika pengubahan, pindaan atau tambahan itu diluluskan oleh Ketua Pendaftar secara bertulis.
- (2) Suatu salinan struktur fee yang diluluskan hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis institusi pendidikan tinggi swasta dan dimasukkan ke dalam prospektus.
9. (1) Perakuan pendaftaran atau perakuan pendaftaran ketua eksekutif hendaklah diserahkan kepada Ketua Pendaftar apabila diminta bagi maksud pengubahan, pindaan, penentusahan atau penggantian.
- (2) Tiada pengubahan, pindaan, penentusahan atau penggantian perakuan pendaftaran atau perakuan pendaftaran ketua eksekutif boleh dibuat kecuali oleh atau dengan arahan Ketua Pendaftar.
10. (1) Sesuatu permohonan untuk berpindah atau mengubahsuai premis sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta hendaklah dibuat kepada Ketua Pendaftar tidak kurang daripada tiga bulan sebelum pertukaran atau pengubahsuaian yang dicadangkan itu.
- (2) Sesuatu permohonan untuk berpindah atau mengubahsuai premis sesuatu pendidikan tinggi swasta hendaklah dibuat dalam borang H dalam Jadual Kedua dan disertai dengan fee yang ditetapkan.
- (3) Apabila permohonan untuk berpindah premis atau mengubahsuai premis sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta diluluskan oleh Ketua Pendaftar, Ketua eksekutif hendaklah menyerahkan perakuan pendaftaran kepada Ketua Pendaftar untuk membolehkan apa-apa pindaan yang perlu dibuat kepadanya.
- (4) Ketua Pendaftar boleh, jika difikirkan sesuai, mengeluarkan perakuan pendaftaran yang baru kepada sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta apabila permohonannya untuk berpindah atau mengubahsuai premis diluluskan.
11. Fee yang kena dibayar adalah ditetapkan dalam Jadual ketiga.